

**PENILAIAN AKHIR: PENULISAN (30): 20 MARKAH
KAEDAH MENGAJAR BAHASA MALAYSIA I (PPG214)
SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2020/2021
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

HALAMAN JUDUL

| | |
|------------------|--|
| Nama Pelajar | MUHAMAD ARIF AKHBAR BIN ABD RAZAK |
| Nombor Matrik | 140773 |
| Nama Kursus | KAEDAH MENGAJAR BAHASA MALAYSIA I |
| Kod Kursus | PPG 214 |
| Semester | 1 |
| Sidang Pengajian | 2020/2021 |
| Nama Penyelaras | DR. MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL |

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

| | |
|---------------------------------------|--|
| Tingkatan | 3 Arena. |
| Modul | Aspek Tatabahasa. |
| Tema | Tema 7. Persaudaraan Tanpa Sempadan (m/s 79) |
| Tajuk | Di Bawah Satu Bumbung (m/s 82) |
| Standard Kandungan (SK) | 5.2 Memahami dan menggunakan kata ganda. |
| Standard Pembelajaran (SP) | 5.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata ganda dalam ayat mengikut konteks dengan betul. |
| Objektif Pembelajaran (OP) | <p>Pada akhir pembelajaran:</p> <p>OP1: Murid Tingkatan 3 Arena dapat menyenaraikan dua jenis kata ganda (kata ganda penuh dan kata ganda semu) dengan betul mengikut kategori.</p> <p>OP2: Murid Tingkatan 3 Arena dapat membina 3 ayat berdasarkan dua jenis kata ganda (kata ganda penuh dan kata ganda semu) dengan betul mengikut konteks</p> |
| Elemen Merentas Kurikulum (EMK) | Bahasa, Nilai Murni. |
| Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) | Menganalisis, Menilai, Mengaplikasi |
| Kemahiran Abad Ke-21 (KAK21) | Mahir Berkomunikasi, Pemikir, Kerja Sepasukan, Bermaklumat |
| Alat Bantu Mengajar (ABM) | Buku Teks, Slaid, Video, <i>Google Form</i> , <i>Padlet</i> , Contoh Petikan, Kertas A4, Kertas Mahjong, Marker Pen Berwarna, Peta Pokok. |

| LANGKAH | AKTIVITI PEMBELAJARAN | CATATAN |
|---|--|--|
| <p>LANGKAH 1 (Set Induksi)</p> <p>3 minit</p> | <ol style="list-style-type: none"> Murid diminta menyenaraikan beberapa benda atau objek yang berada di dalam kelas di atas kertas A4. Contohnya, buku, meja, kipas, lampu dan sebagainya. Murid kemudian diminta untuk mengulangi benda yang mereka senaraikan secara serentak sebanyak dua kali berturut-turut. Murid diterangkan tujuan aktiviti tersebut oleh guru. Murid diterangkan oleh guru berkaitan topik dan objektif pembelajaran pada hari tersebut. | <p>Strategi (Pendekatan, kaedah dan teknik): Kaedah konstektual</p> <p>KAK21: Mahir berkomunikasi, bermaklumat.</p> <p>ABM: Kertas A4</p> |
| <p>LANGKAH 2 (Penerangan)</p> <p>7 Minit</p> | <ol style="list-style-type: none"> Murid diminta untuk membuat catatan di atas kertas A4 tentang jenis dan contoh kata ganda berdasarkan video dan slaid yang akan ditayangkan. Murid ditayangkan video berkaitan jenis dan contoh kata ganda. Murid mendengar penerangan yang diberikan oleh guru melalui slaid berkaitan dengan tajuk pembelajaran iaitu kata ganda. Murid diminta membaca catatan jenis dan contoh kata ganda yang mereka senaraikan. | <p>Strategi (Pendekatan, kaedah dan teknik): Pendekatan Induktif, Teknik Penerangan</p> <p>KAK21: Bermaklumat</p> <p>ABM: Laptop, slaid pengajaran, Video, Kertas A4.</p> |
| <p>LANGKAH 3 (Penerokaan)</p> <p>7 minit</p> | <ol style="list-style-type: none"> Murid dipecahkan kepada 4 kumpulan dan lantikan ketua dilakukan oleh guru.. Murid menjalankan aktiviti Web Perkataan Pasukan (<i>Team Word Web</i>). Murid diberikan satu contoh petikan oleh guru. Murid diminta menyenaraikan kata ganda yang terdapat dalam petikan di atas kertas mahjong. Setiap ahli pasukan diminta menulis kata ganda dalam bentuk peta pokok mengikut warna pen yang berbeza untuk menunjukkan sumbangan idea mereka. Ketua setiap kumpulan perlu membentangkan peta pokok mereka. | <p>Strategi (Pendekatan, kaedah dan teknik): Pendekatan Kolaboratif, Teknik Sumbangsan, Teknik Perbincangan.</p> <p>OP: OP1</p> <p>EMK: Bahasa, nilai murni</p> <p>KBAT: Menilai, Mengaplikasi</p> <p>KAK21: Mahir berkomunikasi, kerja sepasukan</p> |

| | | |
|---|--|---|
| | | ABM: Keratan Contoh Petikan, Kertas Mahjung, Marker Pen Berwarna. |
| LANGKAH 4 (Pengembangan) 10 min | (Aktiviti membina ayat) 1. Di dalam kumpulan yang sama, murid diedarkan tugas petikan yang mengandungi senarai kata ganda oleh guru. 2. Setiap kumpulan perlu membina 3 ayat berdasarkan tugas petikan senarai kata ganda yang diberikan di atas kertas mahjung. 3. Murid diberi masa 10 minit untuk menyiapkan tugas tersebut. 4. Wakil kumpulan diminta hadir ke hadapan untuk membentangkan ayat yang mereka bina. 5. Setiap kumpulan lain perlu menilai hasil pembentangan dan membentangkan penilaian tersebut selepas selesai pembentangan oleh rakan mereka. 6. Penilaian murid akan dijalankan oleh guru berdasarkan ketepatan pembinaan ayat berdasarkan kata ganda mengikut kategori dan konteks yang betul. | Strategi (Pendekatan, kaedah dan teknik): Pendekatan Koperatif, Teknik Penyelesaian Masalah, Teknik Sumbang Saran OP: OP 2 EMK: Bahasa, nilai murni, kreativiti KBAT: Mengaplikasi, Menganalisis, Menilai KAK21: Pemikir, mahir berkomunikasi, kerja sepasukan, bermaklumat ABM: Petikan senarai kata ganda, kertas mahjung. |
| LANGKAH 5 (Pengayaan dan Pemulihan) 5 minit | Pengayaan: 1. Murid diberikan pautan <i>google classroom</i> untuk melaksanakan latihan isi tempat kosong. 2. Murid perlu mengisi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. 2. Murid diberi masa 5 minit untuk menyiapkan tugas tersebut. 3. Murid dapat melihat jawapan yang betul selepas menyiapkan aktiviti tersebut. | Strategi (Pendekatan Kaedah dan Teknik) : Pembelajaran Berpusatkan Murid, Teknik Latih Tubi. EMK : Bahasa Nilai Murni KAK21: Pemikir, Bermaklumat ABM: <i>Google Form</i> |
| | Pemulihan: 1. Murid diberikan nota ringkas berkenaan topik pembelajaran pada hari berkenaan. 2. Murid diberi latihan tambahan sebagai pengukuhan. | |

| | | |
|---|---|---|
| <p>LANGKAH 6 (Rumusan)</p> <p>5 minit</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diminta untuk menulis refleksi pembelajaran di ruangan <i>padlet</i> yang disediakan oleh guru. 2. Hasil refleksi murid akan dinilai oleh guru. 3. Murid mendengar rumusan akhir yang diberikan oleh guru berkaitan pengajaran dan pembelajaran pada hari berkenaan. | <p>Strategi(Pendekatan Kaedah dan Teknik) : Pembelajaran Konstruktivisme EMK : Bahasa, Nilai Murni KAK21: Mahir Berkomunikasi ABM : <i>Padlet</i></p> |
|---|---|---|

Lampiran

1. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 3

5.0 ASPEK TATABAHASA

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN |
|---|--|
| 5.1 Memahami dan menggunakan perkataan daripada pelbagai golongan kata dalam pelbagai ayat. | <p>Murid boleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dan kata pinjaman dengan betul. 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata adjektif dalam ayat mengikut konteks. 5.1.3 Memahami dan menggunakan kata tugas dalam ayat mengikut konteks. 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja dalam ayat mengikut konteks. |
| 5.2 Memahami dan menggunakan kata ganda. | 5.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata ganda dalam ayat mengikut konteks dengan betul. |
| 5.3 Memahami dan menggunakan kata terbitan. | 5.3.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata terbitan dalam ayat mengikut konteks dengan betul. |
| 5.4 Memahami dan menggunakan frasa. | 5.4.1 Memahami dan menggunakan pelbagai frasa dalam ayat mengikut konteks. |
| 5.5 Memahami dan membina pelbagai ayat. | 5.5.1 Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks. |
| 5.6 Menganalisis ayat. | 5.6.1 Menganalisis dan menggunakan tatabahasa yang betul dalam ayat. |

CATATAN:

Pentaksiran aspek tatabahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis mengikut kesesuaian PdP.

2. Tema 7 Buku Teks Tingkatan 3



3. Keratan petikan teks – Langkah Penerokaan

Sekolah Menengah Kebangsaan Putera telah mengadakan Hari Koperasi Sekolah pada hari Sabtu minggu lepas. Sebelum hari tersebut, murid - murid dan guru - guru sibuk membuat persiapan. Murid - murid rajin-rajin belakamenolong guru mereka. Mereka menghias gerai - gerai jualan, belon - belon dan reben reben digantung pada gerai tersebut. Terdapat pelbagai makanan yang dijual. Makanannya enak dan harganya murah antaranya onde-onde, agar-agar, gado-gado, keropok lekor, jagung rebus dan pelbagai minuman yang menarik. Semua makanan habis dijual. Murid - murid amat gembira dan bangga kerana dapat menyertai aktiviti hari jualan. Ada yang menyimpan citi - cita untuk menjadi peniaga pada suatu hari nanti. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan bagi memeriahkan suasana Hari Koperasi Sekolah.

4. Petikan Senarai Kata Ganda- Langkah Pengembangan

Petikan Senarai Kata Ganda

Kata Ganda Penuh

1. Murid-murid
2. Kejar-kejar
3. Masak-masak

Kata Ganda Semu

1. Kanak-kanak
2. Kura-kura
3. Agar-agar

4. Latihan isi tempat kosong- “Google classroom”. – Langkah Pengayaan.

Latihan Kata Ganda

Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai.

*Required

1. Email address *

2. Nama *

3. 1 Petani memasang _____ di tengah sawah untuk menakutkan burung. * 10 points

Mark only one oval.

- A kisi-kisi
 B orang-orang
 C tupai-tupai
 D layang-layang

4. 2. Ideanya telah ditolak _____ oleh majikannya. * 10 points

Mark only one oval.

- A hidup-hidup
 B bulat-bulat
 C betul-betul
 D terang-benderang

5. 3. Ada sebuah busut _____ di bawah pokok ketapang itu. * 10 points

Mark only one oval.

- A jentik-jentik
 B pijat-pijat
 C anal-anal
 D kura-kura

6. 4. Ibu mengusap _____ adik yang masih merah dengan penuh kasih sayang. * 10 points

Mark only one oval.

- A mata-mata
 B rambut-rambut
 C ubun-ubun
 D tulang-tulang

7. 5. Samira _____ dilanggar kereta ketika sedang melintas jalan raya yang sibuk itu. * 10 points

Mark only one oval.

- A dekat-dekat
 B kadang-kadang
 C nyaris-nyaris
 D hampir-hampir

This content is neither created nor endorsed by Google.


Google Forms

<https://docs.google.com/forms/d/1YxvFggL3AqQDw9qKuVPOd18B3h3Gy5Q2jPa2R4R1/edit>

2/3


Pautan: <https://forms.gle/bEj9yfHyn2KMhQYa6>

5. Refleksi Pembelajaran “Padlet”. – Langkah Rumusan.



Pautan: <https://padlet.com/arifakhbar66/ns0i346kx7fjkgxk>

6. Peta Pokok.



7. Kertas A4 dan Kertas Mahjung.



8. Marker Pen Berwarna.



**PENILAIAN AKHIR: ESEI(08): 30 MARKAH
KAEDAH MENGAJAR BAHASA MALAYSIA I (PPG214)
SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2020/2021
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

HALAMAN JUDUL

| | |
|------------------|--|
| Nama Pelajar | MUHAMAD ARIF AKHBAR BIN ABD RAZAK |
| Nombor Matrik | 140773 |
| Nama Kursus | KAEDAH MENGAJAR BAHASA MALAYSIA I |
| Kod Kursus | PPG 214 |
| Semester | 1 |
| Sidang Pengajian | 2020/2021 |
| Nama Penyelaras | DR. MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL |

NAMA KAEDAH YANG DIPILIH: Kaedah Audio-Lingual

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG DIPILIH: Penerokaan

1.0 Penerangan tentang aktivi-aktiviti bagi melaksanakan langkah PdP yang berorientasikan kaedah pengajaran bahasa Behaviorisme atau Tabahasa Struktural yang dipilih.

Bagi melaksanakan kaedah audio-lingual dalam langkah penerokaan, murid dibahagikan kepada 5 kumpulan dan lantikan ketua dilakukan oleh guru. Murid diperdengarkan rakaman audio “Pantun Nasibmu Badak”. Rakaman audio dimainkan sebanyak dua kali oleh guru bagi memastikan setiap murid dapat mendengar dengan jelas dan teliti rakaman audio pantun tersebut. Setiap kumpulan dikehendaki mencatat 3 maksud tersurat dan 3 maksud tersirat dalam pantun tersebut dengan menggunakan ayat yang gramatis. Masa untuk mencari maklumat tersurat dan tersirat dalam pantun adalah selama 10 minit. Kemudian, wakil setiap kumpulan perlu mempersembahkan jawapan mereka secara lisan. Manakala, ahli kumpulan yang lain perlu menilai kekuatan, kelemahan dan membuat penambahbaikan maklumat yang disampaikan. Guru seterusnya membuat penilaian keseluruhan pembentangan setiap kumpulan yang telah dijalankan.

2.0 Penjelasan tentang rasional penggunaan kaedah pengajaran bahasa aliran Behaviorisme atau Tabahasa Struktural yang dipilih.

Kaedah pengajaran bahasa aliran *Behaviorisme* yang dipilih ialah Kaedah Audio-lingual. Kaedah ini merupakan gabungan dua kemahiran iaitu kemahiran mendengar (audio) dan kemahiran bertutur (lingual). Kaedah ini mementingkan penggunaan bahan bantu mengajar berupa alat-alat audio seperti radio, pita rakaman, compact disk (audio) dan piring hitam. Bahan-bahan yang diperdengarkan kepada murid-murid ialah bunyi haiwan, bunyi sesuatu suasana misalnya suasana seram, seni kata lagu, nyanyian, petikan cerita, sajak, pantun dan sebagainya. Ahli-ahli *behaviorisme* telah menegaskan bahawa setiap pengajaran bahasa haruslah bermula dengan bahasa lisan kemudian diikuti dengan bahasa tulisan. Berdasarkan apa yang telah dinyatakan oleh ahli-ahli *behaviorisme* ini, dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran, guru haruslah memastikan murid-murid menguasai kemahiran bertutur sebelum beralih kepada kemahiran menulis. Hal ini kerana kemahiran lisan merupakan asas kepada kemahiran yang lain. Jika murid tidak dapat menguasai peringkat asas, maka mustahil untuk murid-murid menguasai kemahiran yang berikutnya.

Kaedah Audio-lingual dipilih kerana kaedah ini bermula dengan gambaran yang betul terhadap bahasa dan peranannya, dengan menjadikan komunikasi antara manusia dalam pengajaran bahasa sebagai satu keutamaan. Hal ini demikian kerana tumpuan yang diberikan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dalam pengajaran bahasa adalah menepati situasi masyarakat moden dengan kemajuan alat-alat perhubungan dan keperluan-keperluan masyarakat untuk berhubung secara langsung antara mereka. Kaedah ini memberikan keutamaan kepada kemahiran mendengar dan bercakap sebagai asas untuk menguasai kemahiran-kemahiran lain iaitu kemahiran membaca dan menulis. Sekiranya, kemahiran mendengar dan bertutur tidak dikuasai oleh murid, hal ini akan menyukarkan mereka dalam proses pembelajaran iaitu untuk mempelajari kaedah membaca dan menulis. Oleh yang demikian, melalui kaedah ini pelajar dapat mencapai peringkat kemahiran berbahasa yang sama dengan kemahiran penutur kandung bahasa itu, baik dalam sebutan mahupun dalam bidang memahami bahasa itu seterusnya dapat mempelajari kemahiran lain iaitu kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Kelebihan seterusnya ialah melalui kaedah ini, maklumat yang diperolehi oleh murid melalui proses mendengar akan lebih mudah diingati oleh murid. Hal ini demikian kerana, bunyi-bunyi linguistik yang berbeza, nada dan intonasi bahan yang diperdengarkan akan mudah dipelajari oleh murid. Dalam hal ini, bagi menguatkan ingatan murid, rakaman audio yang diperdengarkan kepada murid diulang banyak kali bagi mengukuhkan ingatan mereka. Mereka kemudian membuat latihan tubi dengan mengulang kembali apa yang didengari oleh mereka. Teknik ini sangat berkesan bagi menguatkan ingatan tentang apa yang dipelajari. Jelaslah, melalui kaedah ini murid dapat menguasai dengan baik sesuatu topik pembelajaran seterusnya dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

Sebagaimana yang diketahui, kaedah audio-lingual ini menggunakan bahan bantu mengajar seperti pita rakaman. Penggunaan bahan bantu mengajar tersebut menerangkan dan memberi maklumat kepada murid tentang sesuatu isu atau perkara penting. Contohnya, isu masalah disiplin dalam kalangan pelajar, isu kebakaran dan sebagainya. Apabila kaedah ini digunakan terhadap murid sebagai salah satu aktiviti pengajaran, murid diajar memahami serta menghayati apa yang terkandung dalam pita rakaman tersebut. Kemudian murid tersebut dapat menerangkan semula apa yang difahami berdasarkan isu yang dibincangkan dalam pita rakaman tersebut. Apabila murid dapat menguasai kaedah ini, secara tidak langsung murid dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian serta menyampaikan kepada orang di sekelilingnya. Ini menunjukkan kaedah audio-lingual ini memenuhi matlamat yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Matlamat tersebut adalah mendengar serta memahami pengucapan dengan teliti serta menghayatinya dalam konteks perbualan harian serta situasi formal.

Selain itu, kaedah ini juga membolehkan murid menguasai kemahiran berkomunikasi dengan betul. Komunikasi memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Penguasaan kemahiran berkomunikasi dengan baik akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Komunikasi dan interaksi di dalam bilik darjah adalah penting dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Melalui kaedah audio-lingual, murid dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik melalui sebutan kosa kata dan intonasi yang betul dan sesuai. Hal ini sangat penting kerana sebutan kosa kata dan intonasi yang betul dan sesuai membolehkan apa yang ditutur dan disampaikan dapat difahami

dengan jelas oleh pendengar. Perkara ini bertepatan dengan peranan utama komunikasi iaitu untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain dengan betul. Tegasnya, melalui rakaman audio yang diperdengarkan oleh guru seperti pita rakaman, kaset dan radio, murid dapat bertutur dengan baik dan betul dalam kehidupan seharian mereka.

3.0 Penjelasan implikasi penggunaan pendekatan kaedah pengajaran bahasa aliran Behaviorisme dan Tatabahasa struktural terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.

Berdasarkan kaedah audio-lingual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dirancang, antara implikasi positif yang dapat dinyatakan ialah murid dapat memahami dan menguasai isi pembelajaran yang disampaikan dengan baik. Hal ini demikian kerana, melalui kaedah audio-lingual yang digunakan seperti pita rakaman, kaset, radio dan sebagainya, murid dapat memahami dengan jelas dan menyatakan apa yang didengari dengan betul. Sebagai contoh, murid diperdengarkan pita rakaman tentang “Pantun Nasibmu Badak”. Berdasarkan pita rakaman tersebut, murid dikehendaki dikehendaki mencatat 3 maksud tersurat dan 3 maksud tersirat dalam pantun tersebut dengan menggunakan ayat yang gramatis. Kemudian, wakil kumpulan perlu mempersembahkan jawapan secara lisan. Aktiviti ini menghubungkan kemahiran mendengar dan bertutur. Oleh yang demikian, pelaksanaan aktiviti tersebut membolehkan murid menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan mudah seterusnya menguasai topik pembelajaran yang dipelajari dengan baik dan berkesan.

Selain itu, kaedah tersebut dapat diakses oleh semua murid dalam jumlah yang besar. Kaedah audio-lingual menggunakan pita rakaman yang dipasang oleh guru di dalam kelas dapat didengari oleh semua murid di dalam kelas tersebut. Hal ini dapat mengelakkan masalah murid yang tercir dan tidak fokus semasa di dalam kelas. Tambahan pula, murid akan menjadi lebih bermotivasi untuk sentiasa fokus di dalam kelas hasil daripada ransangan audio yang didengari. Secara tidak langsung, mereka akan sentiasa terlibat aktif dalam sesi pembelajaran dan pelaksanaan aktiviti di dalam kelas. Sebagai contoh, guru memperdengarkan “Syair Burung Nuri”. Kemudian, berdasarkan kumpulan yang dibentuk, wakil setiap kumpulan perlu menyanyikan syair tersebut dengan nada dan intonasi yang betul manakala murid lain perlu menyatakan nilai dan persoalan yang terdapat dalam syair tersebut. Justeru, penglibatan aktif semua murid

dalam aktiviti yang dijalankan di dalam kelas dapat memastikan objektif pembelajaran yang ditetapkan dicapai dengan baik dan berkesan. Murid juga dapat membina keyakinan dalam diri untuk berkomunikasi di hadapan khalayak. Perkara ini sangat penting kepada murid untuk membentuk personaliti diri yang unggul dalam diri mereka.

Manakala, antara implikasi negatif yang dikesan berdasarkan kaedah tersebut ialah penggunaan masa yang terlalu lama dalam pelaksanaannya. Pelaksanaan aktiviti berdasarkan kaedah audio-lingual dimulakan dengan memperdengarkan audio seperti pita rakaman yang hendak diperdengarkan kepada murid. Pita rakaman yang panjang akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Tambahan pula, pita rakaman yang diulang beberapa kali sudah pasti memakan masa pembelajaran. Hal ini akan memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang seterusnya dan menyukarkan pencapaian objektif pembelajaran yang hendak dicapai. Selain itu, penggunaan masa yang terlalu lama dalam pelaksanaan kaedah audio-lingual dalam pengajaran dan pembelajaran yang dirancang menyebabkan murid mudah merasa bosan dan hilang fokus ketika menjalani aktiviti berdasarkan kaedah tersebut. Murid mula akan menyisihkan diri daripada terlibat dalam aktiviti yang dilaksanakan untuk melaksanakan kerja lain termasuk bertindak keluar daripada kelas dengan alasan pergi ke tandas dan sebagainya.

Implikasi negatif seterusnya ialah murid tidak diajarkan makna lain atau yang seumpamanya tentang konsep yang disampaikan daripada pita rakaman yang digunakan dalam kaedah audio-lingual. Hal ini menyebabkan murid hanya menguasai dan terikat dengan satu makna sahaja tentang sesuatu konsep atau maklumat yang disampaikan. Tambahan pula, hal ini menyebabkan pengetahuan murid tentang sesuatu konsep atau perkara adalah terhad. Murid juga tidak dapat mengembangkan pemikiran mereka seperti tidak dapat membentuk pendapat dan hujah sendiri, tiada keupayaan membuat rumusan dan mengemukakan pendapat serta tidak berupaya menggunakan bahasa yang jelas. Oleh yang demikian, apa yang dinyatakan di atas jelas sekali tidak dapat merangsang pemikiran murid dan menyebabkan mereka hanya bergantung pada konsep yang didengari dan dipelajari sahaja.